

Bangunan Sains Klinikal NTU di Novena

SEBUAH bangunan sekolah perubatan baru yang menempatkan 'bilik darjah pintar' dan kemudahan pembelajaran menyerupai persekitaran klinikal telah diperkenal di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian Universiti Teknologi Nanyang (NTU) semalam.

Bangunan Sains Klinikal 20 tingkat yang bertempat di kampus Novena universiti itu direka untuk mewujudkan suasana hospital dalam bilik darjah.

Ia termasuk wad amali di mana pelajar boleh melaksanakan diagnostik asas dan interaksi doktor-pesakit, dan juga boleh ditukar menja di unit rawatan rapi serupa senario hospital setiap hari, menurut satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan NTU.

Bangunan baru itu menampilkan 10 bilik perundingan di mana pelajar boleh mengasah kemahiran komunikasi doktor-pesakit mereka, juga pusat pembelajaran anatomi yang dilengkapi dengan lebih daripada 170 spesimen botol yang didermakan oleh rakan sekolah perubatan NTU, Imperial College London.

Selaras dengan matlamat NTU menggunakan teknologi dalam pendidikan, pelajar akan dapat menjalankan pembedahan maya di atas meja pembedahan maya bersaiz manusia serta anatomi badan 3D.

Kelas di Bangunan Sains Klinikal telah bermula pada Januari tahun ini, kata universiti itu.

Profesor Kam Chan Hin, timbalan rektor pendidikan di NTU, berkata ruang itu membantu menyokong "pembelajaran berasaskan pasukan" dan "penyelesaian masalah secara aktif menggunakan teknologi komunikasi maklumat".

Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, berkata kemudahan itu akan membantu "peralihan dan integrasi pelajar ke dalam arena perubatan" di samping mengasah "satu generasi doktor yang mahir dalam menggunakan teknologi terkini untuk menyelesaikan isu penjagaan kesihatan akan datang".

Sekolah perubatan NTU dibuka pada 2013 sebagai sekolah perubatan ketiga Singapura, selepas Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Sekolah Perubatan Duke-NUS.